UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

NOTIS PENJELASAN SPESIFIKASI TEKNIKAL TENDER

No. Tender: UMK(B)/T/10/2026-DiTeC
Tajuk Tender: PERKHIDMATAN RANGKAIAN INTERNET, VPN DAN LESEN PERALATAN KESELAMATAN 'NEXT-GENERATION FIREWALL' SELAMA 36 BULAN DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERKARA: <u>PENJELASAN KEPERLUAN TEKNIKAL BAGI PERKARA 2 – *REQUIREMENT FROM PROVIDER*</u>

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ingin memberikan penjelasan lanjut berhubung keperluan teknikal yang ditetapkan di bawah **Perkara 2 – *Requirement from Provider*** dalam dokumen tender seperti berikut:

PERKARA 2.1 – KEPERLUAN LESEN PENYEDIA PERKHIDMATAN

Petender hendaklah mempunyai lesen yang sah dan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi kategori berikut:

i. Network Facilities Provider (NFP);
ii. Network Service Provider (NSP); dan
iii. Application Service Provider (ASP).

Kesemua lesen tersebut hendaklah dimiliki oleh petender sendiri. Penggunaan lesen milik syarikat lain melalui kerjasama strategik, rakan teknologi atau subkontraktor tidak diterima bagi tujuan pematuhan syarat ini.

PERKARA 2.2 – KEPERLUAN SAMBUNGAN RANGKAIAN MYIX DAN MYREN

Petender hendaklah memastikan rangkaian yang ditawarkan mempunyai sambungan kepada kedua-dua rangkaian berikut:

i. Malaysian Internet Exchange (MyIX); dan

ii. Malaysia Research and Education Network (MyREN).

Keperluan sambungan kepada kedua-dua rangkaian tersebut adalah MANDATORI dan hendaklah dipenuhi sepenuhnya oleh petender. Pematuhan kepada salah satu rangkaian sahaja tidak dianggap memenuhi keperluan spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, pengalaman terdahulu petender berkaitan MyIX dan MyREN adalah tertakluk kepada penilaian berdasarkan skema pemarkahan teknikal yang ditetapkan dan bukan merupakan syarat mandatori.

3. Sehubungan itu, semua petender hendaklah memastikan tawaran yang dikemukakan memenuhi keperluan teknikal sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen tender.

4. Notis ini hendaklah dibaca bersama-sama dokumen tender asal dan menjadi sebahagian daripada dokumen tender berkenaan. Penjelasan ini tidak melibatkan sebarang pindaan terhadap syarat dan spesifikasi teknikal tender yang telah ditetapkan.

5. Semua petender diminta mengambil maklum dan mematuhi penjelasan yang dinyatakan dalam notis ini.

Sekian, terima kasih.

SEKSYEN PEROLEHAN
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Tarikh: 29 Oktober 2026